

**Universiti Perlu Jadi Benteng Budaya Negatif, Terutama Rasuah - Raja Nazrin
Bernama
1 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Universiti, sebagai institusi penting untuk melengkapikan usaha pembangunan sesebuah negara, mempunyai tanggungjawab menyemai nilai-nilai integriti yang tinggi di kalangan graduan yang dilahirkan.

Menegaskan demikian, Raja Muda Perak Raja Dr Nazrin Shah bertitah aspek moral, integriti dan ketelusan wajib diberikan keutamaan oleh universiti.

"Kemajuan sesebuah negara tidak lengkap jika diukur semata-mata dengan angka-angka pencapaian ekonomi dan tahap kemajuan teknologi," titah baginda.

Raja Nazrin, yang juga Pro Canselor Universiti Malaya, bertitah pada istiadat bahagian pertama konvokesyen universiti itu kali ke-51 di sini Isnin.

Baginda turut melahirkan rasa terkejutnya dengan laporan kaji selidik Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (PEMAMDU) ke atas 1,800 mahasiswa yang mendapati majoriti daripada mahasiswa menganggap perlakuan menawar dan menerima rasuah tidak memudaratkan.

"Jika dari alam universiti, mahasiswa tidak menganggap rasuah sebagai satu perilaku jijik, dibimbangkan mereka akan terlalu mudah merelakan diri terjebak melakukan rasuah tanpa sebarang rasa bersalah."

Ini memandangkan para mahasiswa bakal menjawat jawatan penting di pelbagai sektor, yang akan disertai dengan pelbagai kuasa, ujar baginda.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=698804>